



**GARIS PANDUAN POTONGAN CUKAI BULANAN DI BAWAH  
KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA  
SARAAN) PINDAAN (No.2) 2014**

---

**1. PENGENALAN**

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk membantu majikan dalam membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) dengan betul. Majikan dinasihatkan supaya membaca kandungannya dengan teliti sebelum membuat potongan cukai berkenaan.
- 1.2. PCB ialah suatu mekanisme potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut formula-formula yang diluluskan oleh Ketua Pengarah (selepas ini dirujuk sebagai formula untuk Jadual Potongan Cukai Bulanan dan formula Pengiraan Berkomputer) menurut kaedah 3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan daripada Saraan) 1994 (Kaedah-Kaedah PCB). Potongan ini bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai sebenar ditentukan.
- 1.3. Potongan cukai pendapatan daripada saraan bulanan diperuntukkan di bawah subseksyen 107(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 1.4. Jadual PCB yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam Garis Panduan ini adalah bagi memudahkan majikan yang tidak menggunakan perisian

pembayaran gaji berkomputer dalam menentukan PCB bagi pekerjaanya.

- 1.5. Majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer adalah digalakkan menggunakan sistem atau aplikasi Kalkulator PCB atau e-PCB yang dibangunkan oleh LHDNM yang boleh diperolehi dari laman sesawang LHDNM.

## 2. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan:

- (a) pelaksanaan PCB di bawah kaedah 3 Kaedah-Kaedah PCB;
- (b) contoh penentuan amaun saraan yang layak yang tertakluk kepada PCB;
- (c) cara pengiraan PCB secara manual; dan
- (d) Jadual Potongan Cukai Bulanan 2015.

## 3. KAEDAH PELAKSANAAN PCB

3.1. Penentuan amaun PCB adalah berdasarkan formula berikut:

- (a) Jadual Potongan Cukai Bulanan; atau
- (b) Pengiraan Berkomputer.

3.2. Jadual Potongan Cukai Bulanan dikeluarkan oleh LHDNM dalam Garis Panduan Teknikal bagi majikan yang tidak menggunakan perisian pembayaran gaji berkomputer.

3.3. Pengiraan Berkomputer adalah terpakai bagi:

- (a) majikan yang menggunakan sistem pembayaran gaji berkomputer yang disediakan oleh pembekal perisian

atau, dibangunkan atau diubah suai oleh majikan mengikut spesifikasi yang ditentukan dan disemak oleh LHDNM; atau

(b) majikan yang menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM yang boleh diperolehi dari laman sesawang LHDNM.

3.4 Dalam menentukan amaun PCB di bawah Pengiraan Berkomputer, majikan dikehendaki membenarkan pekerja untuk membuat tuntutan potongan yang dibenarkan dan rebat di bawah ACP tidak kurang daripada dua kali setahun pada mana-mana bulan dalam tahun semasa.

3.5 Majikan yang memotong PCB mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan hendaklah menggunakan sistem atau aplikasi yang dibangunkan oleh LHDNM dalam menentukan amaun PCB jika pekerjaannya ingin membuat tuntutan potongan yang dibenarkan dan rebat di bawah ACP.

#### **4. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN**

4.1 Tanggungjawab majikan di bawah Kaedah-Kaedah PCB adalah untuk:

(a) memotong PCB daripada saraan setiap pekerja pada setiap bulan atau bulan yang berkaitan mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan atau Pengiraan Berkomputer dan membayar kepada Ketua Pengarah;

(b) membuat potongan tambahan daripada saraan pekerja mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah kaedah 4 Kaedah-Kaedah PCB;

(c) membayar kepada Ketua Pengarah, tidak lewat daripada hari kelima belas tiap-tiap bulan kalendar, jumlah amaun cukai yang dipotong atau yang sepatutnya dipotong olehnya daripada saraan pekerja pada bulan kalendar sebelumnya;

- (d) mengemukakan suatu penyata maklumat pekerja yang lengkap dan tepat semasa mengemukakan bayaran PCB atau potongan tambahan. Maklumat itu adalah seperti berikut:
- (i) nombor cukai pendapatan;
  - (ii) nama seperti yang dinyatakan dalam kad pengenalan atau pasport;
  - (iii) nombor kad pengenalan baru dan lama, nombor polis, nombor tentera atau nombor pasport (bagi pekerja asing); dan
  - (iv) amaun PCB atau potongan tambahan.

**Jika majikan gagal mengemukakan maklumat yang lengkap dan tepat, bayaran PCB tersebut tidak akan diterima oleh LHDNM. Pengemukakan semula bayaran PCB boleh dikenakan kompaun sekiranya bayaran dibuat selepas hari kelima belas bulan berikutnya.**

- (e) mengemukakan maklumat mengenai pemberhentian pembayaran saraan pekerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah kaedah 13 Kaedah-Kaedah PCB dalam borang yang ditetapkan;
- (f) menyimpan dan mengekalkan dalam jagaan selamat dokumen yang mencukupi bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun taksiran yang saraan itu dipotong berkenaan dengan pekerjanya menurut Kaedah-Kaedah PCB;
- (g) memaklumkan kepada tiap-tiap pekerjanya tentang tanggungjawab yang berikut:
- (i) untuk mengemukakan borang yang ditetapkan kepada majikan bagi memaklumkan maklumat yang

berhubungan dengan penggajiannya dengan majikan terdahulu dalam tahun semasa;

- (ii) untuk mengemukakan borang yang ditetapkan kepada majikan jika pekerja ingin menuntut potongan dan rebat dalam bulan berkenaan. Potongan dan rebat tersebut perlu dilaksanakan oleh majikan tidak kurang daripada dua kali setahun pada mana-mana bulan dalam tahun semasa;
- (iii) untuk menyimpan dan memegang simpan dalam jagaan selamat setiap resit yang berhubungan dengan tuntutan potongan bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun taksiran tersebut di bawah ACP;
- (iv) untuk mengemukakan maklumat peribadi dengan lengkap dan tepat dan memaklumkan apa-apa perubahan butiran peribadinya kepada majikan; dan
- (v) untuk mengemukakan maklumat yang betul dalam borang yang ditetapkan berhubung dengan cukai yang boleh dikenakan ke atasnya dan kegagalan pekerja berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 113(1)(b) ACP.

4.2 Menurut seksyen 75A ACP, pengarah syarikat terkawal adalah bertanggungjawab atas PCB yang tidak dibayar di bawah Kaedah-Kaedah PCB.

## **5. PELAKSANAAN PCB**

Amaun PCB ditentukan berdasarkan kriteria yang berikut:

### **5.1 Taraf Pemastautinan Pekerja**

Taraf pemastautinan seseorang individu adalah ditentukan di bawah peruntukan seksyen 7 ACP.

### 5.1.1 Pekerja Bukan Pemastautin

PCB seseorang pekerja yang bukan pemastautin atau tidak dipastikan taraf pemastautinannya di Malaysia hendaklah dikira daripada saraannya pada kadar yang dinyatakan di bawah perenggan 1A, Jadual 1 ACP.

### 5.1.2 Pekerja Pemastautin

PCB seseorang pekerja pemastautin atau dianggap bermastautin di Malaysia, diperoleh setelah ditolak semua potongan yang dibenarkan di bawah ACP.

## 5.2 Kategori Pekerja

5.2.1 Jadual Potongan Cukai Bulanan dan Pengiraan Berkomputer mengklasifikasikan pekerja kepada 3 kategori:

**Kategori 1** : Bujang

**Kategori 2** : Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja

**Kategori 3** : Berkahwin dan suami atau isteri bekerja/ pekerja telah bercerai, kematian suami atau isteri/ bujang dengan anak angkat

5.2.2 Jika isteri memilih untuk menuntut keseluruhan potongan anak, PCB akan ditentukan mengikut Kategori 3 dengan potongan anak (KA1 – KA20) manakala PCB suami ditentukan mengikut Kategori 3 tanpa potongan anak (K).

5.2.3 Jika suami dan isteri memilih untuk menuntut potongan anak tertentu, PCB suami dan isteri akan ditentukan mengikut Kategori 3 dengan potongan anak (KA1 – KA20).

**Contoh :**

Suami dan isteri yang bekerja mempunyai 5 orang anak. Suami menuntut potongan bagi 3 orang anak dan isteri menuntut potongan bagi 2 orang anak. PCB ditentukan seperti yang berikut:

Suami - Kategori 3 (KA3)  
 Isteri - Kategori 3 (KA2)

5.2.4 PCB ditentukan mengikut Kategori 3 (KA1 – KA20) bagi pekerja bujang dengan anak angkat.

**6. SARAAN****6.1. Definisi saraan**

Saraan ertinya pendapatan berkenaan dengan perolehan atau keuntungan daripada sesuatu pekerjaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah PCB.

**6.1.1. Jenis Saraan**

Jenis saraan adalah seperti berikut:

- (i) gaji;
- (ii) upah;
- (iii) bayaran kerja lebih masa;
- (iv) komisen;
- (v) tip;
- (vi) elaun;
- (vii) bonus atau insentif;
- (viii) fi pengarah;
- (ix) perkuisit;
- (x) skim opsyen saham pekerja (SOSP);
- (xi) cukai yang ditanggung oleh majikan;
- (xii) ganjaran;
- (xiii) pampasan kerana kehilangan pekerjaan; atau
- (xiv) saraan lain berhubung dengan penggajian

### 6.1.2. **Manfaat Berupa Barangan (MBB)**

MBB adalah manfaat berupa barangan yang tidak boleh ditukarkan kepada wang. Manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP. Nilai MBB hendaklah ditentukan berdasarkan kepada Ketetapan Umum berkaitan MBB yang dikeluarkan oleh LHDNM.

### 6.1.3. **Nilai Tempat Kediaman (NTK)**

NTK merupakan nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Nilai manfaat ini dianggap sebagai pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(c), ACP. Nilai NTK hendaklah ditentukan berdasarkan kepada Ketetapan Umum berkaitan NTK yang dikeluarkan oleh LHDNM.

### 6.1.4. **Penentuan nilai bulanan MBB/NTK**

Nilai MBB/NTK bulanan hendaklah ditentukan berdasarkan kepada formula berikut:

$$\text{Nilai bulanan} = \frac{\text{Nilai MBB/NTK setahun}}{12 \text{ bulan}}$$

## 6.2. **Kategori saraan**

6.2.1. “Saraan Biasa” ertinya saraan bulanan tetap yang dibayar kepada pekerja sama ada amaun yang dibayar adalah tetap atau berubah-ubah sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan secara bertulis atau sebaliknya.

Saraan biasa juga termasuk keadaan berikut:

(a) Pekerja tiada gaji bulanan dan hanya menerima komisen;



- (b) Gaji bulanan dibayar berdasarkan gaji hari atau jam; atau
- (c) Gaji bulanan berubah disebabkan oleh perubahan nilai pertukaran mata wang asing.

6.2.2. “Saraan tambahan” ertinya apa-apa bayaran tambahan kepada saraan biasa bulan semasa yang dibuat kepada pekerja sama ada secara sekaligus, berkala, tertunggak atau bayaran yang tidak tetap.

Saraan tambahan itu termasuklah:

- (i) bonus atau insentif;
- (ii) tunggakan gaji atau apa-apa tunggakan lain yang dibayar kepada pekerja;
- (iii) skim opsyen saham pekerja (jika pekerja memilih potongan PCB);
- (iv) cukai yang ditanggung oleh majikan;
- (v) ganjaran;
- (vi) pampasan untuk kehilangan pekerjaan;
- (vii) ex-gratia;
- (viii) fi pengarah (tidak dibayar secara bulanan);
- (ix) komisen (tidak dibayar secara bulanan);
- (x) elaun (tidak dibayar secara bulanan);
- (xi) apa-apa bayaran lain sebagai tambahan kepada saraan biasa bulan semasa.

## **7. POTONGAN YANG DIBENARKAN DAN REBAT DI BAWAH ACP**

### **7.1. Potongan Wajib**

Majikan dikehendaki membuat potongan berikut dalam menentukan amaun PCB bulanan pekerja:

- (a) Potongan individu;
- (b) Potongan suami atau isteri;
- (c) Potongan anak; dan
- (d) Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau skim diluluskan yang lain.

Nota:

Terdapat tambahan potongan bagi pengiraan berkomputer. Majikan yang menggunakan pengiraan berkomputer dikehendaki membuat potongan tambahan berikut dalam menentukan amaun PCB bulanan pekerja:

- (a) Orang Kurang Upaya; dan
- (b) Suami atau Isteri Kurang Upaya.

## 7.2. Rebat Zakat Melalui Potongan Gaji

Jika seseorang pekerja telah membuat bayaran zakat kepada pihak berkuasa zakat melalui potongan gaji, majikan boleh membuat tolakan bayaran itu terhadap amaun cukai yang harus dipotong bagi bulan masing-masing.

### Contoh 1:

#### PCB bagi Januari

Zakat dibayar	: RM55.00
PCB sepatutnya dipotong mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan	: RM105.00
PCB yang perlu dipotong selepas rebat zakat	: RM50.00 (RM105.00-RM55.00)

### Contoh 2:

#### PCB bagi Mei

Zakat dibayar	: RM140.00
PCB sepatutnya dipotong mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan	: RM110.00
PCB yang perlu dipotong selepas rebat zakat	: TIADA (Lebihan zakat: RM30.00)

Lebihan zakat RM30.00 dalam Contoh 2 boleh dibawa ke bulan hadapan untuk ditolak daripada PCB bagi bulan berikutnya dengan syarat ia adalah dalam tahun yang sama.

### 7.3. Potongan Pilihan

Selain potongan wajib di perenggan 7.1., seseorang pekerja boleh membuat pemilihan yang tidak boleh dibatalkan dalam borang yang ditetapkan untuk potongan pilihan dan hendaklah mengemukakan borang itu kepada majikannya.

Potongan pilihan merupakan potongan selain potongan wajib yang dibenarkan di bawah ACP untuk dituntut oleh pekerja dalam menentukan amaun PCB bulanan. Majikan dikehendaki membenarkan tuntutan potongan pilihan tersebut dalam pengiraan PCB tidak kurang daripada dua kali setahun dalam tahun semasa.

### 7.4. Rebat Zakat Selain Melalui Potongan Gaji

Jika seseorang pekerja membuat apa-apa bayaran zakat selain potongan zakat bulanan daripada saraan di bawah perenggan 7.2. pekerja boleh membuat tuntutan bayaran tersebut. Majikan dikehendaki membenarkan tuntutan rebat tersebut dalam pengiraan PCB sekurang-kurangnya dua kali setahun pada tahun semasa.

## 8. PENENTUAN PCB

### 8.1 Penentuan amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Jadual Potongan Cukai Bulanan

$$PCB = \frac{[(P - M) R + B]}{12}$$

$$\text{iaitu } P = [(Y - K^*) \times 12] + [(\sum Y_{t1} - K_{t1}^*) + (Y_t - K_t^*)]** - (D + S + QC)$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
Y	Saraan biasa kasar bulan semasa;
K	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan Y, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$\sum(Y_{t1}-K_{t1})$	Jumlah saraan tambahan bersih terkumpul yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa;
$Y_{t1}$	Jumlah saraan tambahan kasar terkumpul yang dibayar kepada pekerja dalam tahun semasa, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa;
$K_{t1}$	Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_{t1}$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$(Y_t - K_t)$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
* $K + K_t + K_{t1}$ tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun; ** $[(\sum Y_{t1} - K_{t1}) + (Y_t - K_t)]$ hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;	
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i) Jika kategori 1 = Bujang:	
Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;	
(ii) Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja:	

Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = bilangan anak yang layak;	
(iii) Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat:	
Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = bilangan anak yang layak;	
M	Amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang pertama bagi tiap-tiap banjaran pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun;
R	Kadar peratusan cukai;
B	Amaun cukai atas M selepas ditolak rebat cukai individu dan suami atau isteri, jika layak.

Setelah nilai P diperoleh, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1 yang nilai B bergantung kepada kategori pekerja.

**Jadual 1: Nilai P, M, R dan B**

<b>P (RM)</b>	<b>M (RM)</b>	<b>R (%)</b>	<b>B Kategori 1 &amp; 3 (RM)</b>	<b>B Kategori 2 (RM)</b>
<b>5,001 - 20,000</b>	<b>5,000</b>	<b>1</b>	<b>- 400</b>	<b>- 800</b>
<b>20,001 - 35,000</b>	<b>20,000</b>	<b>5</b>	<b>-250</b>	<b>-650</b>
<b>35,001 - 50,000</b>	<b>35,000</b>	<b>10</b>	<b>900</b>	<b>900</b>
<b>50,001 - 70,000</b>	<b>50,000</b>	<b>16</b>	<b>2,400</b>	<b>2,400</b>
<b>70,001 - 100,000</b>	<b>70,000</b>	<b>21</b>	<b>5,600</b>	<b>5,600</b>
<b>100,001 - 250,000</b>	<b>100,000</b>	<b>24</b>	<b>11,900</b>	<b>11,900</b>
<b>250,001 - 400,000</b>	<b>250,000</b>	<b>24.5</b>	<b>47,900</b>	<b>47,900</b>
<b>Melebihi 400,000</b>	<b>400,000</b>	<b>25</b>	<b>84,650</b>	<b>84,650</b>

Potongan Cukai Bulanan yang dinyatakan dalam Jadual Potongan Cukai Bulanan hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) perbezaan saraan biasa bersih bulanan dalam banjaran yang sama ialah lima ringgit;

- (b) nilai tertinggi bagi saraan biasa bersih bulanan dalam banjaran yang sama menjadi asas kepada pengiraan;
- (c) amaun Potongan Cukai Bulanan dibundarkan ke atas atau ke bawah kepada gandaan lima sen terhampir; dan
- (d) amaun minimum Potongan Cukai Bulanan ialah satu ringgit.

## 8.2 Penentuan Amaun Potongan Cukai Bulanan Berdasarkan Pengiraan Berkomputer

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

$$\text{iaitu } P = \frac{[\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]}{n + 1}$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y - K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan Y dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam tahun semasa, termasuk premium insurans nyawa yang dituntut di bawah

	penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_1$	Saraan biasa kasar bulan semasa;
$K_1$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_1$ dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_2$	Anggaran saraan seperti $Y_1$ bagi bulan seterusnya;
$K_2$	Anggaran baki jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)) / n]$ atau $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
$Y_t - K_t$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
<p>*<math>K + K_1 + K_2 + K_t</math> tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;</p> <p>**<math>\sum(Y_t - K_t)</math> hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;</p>	
$n$	Baki bulan dalam setahun;
$n + 1$	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
$D$	Potongan individu;
$S$	Potongan suami atau isteri;
$D_U$	Potongan orang kurang upaya;
$S_U$	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
$Q$	Potongan bagi anak yang layak;
$C$	Bilangan anak yang layak;
<p>Nilai <math>D</math>, <math>S</math> dan <math>C</math> ditentukan seperti yang berikut:</p> <p>(i) Jika kategori 1 = Bujang:  Nilai <math>D = \text{Potongan individu}</math>, <math>S = 0</math> dan <math>C = 0</math>;</p>	

(ii)	Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja: Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;
(iii)	Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat: Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;
$\Sigma LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada penggajian terdahulu, jika ada;
$LP_1$	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
M	Amaun pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang pertama bagi setiap banjaran pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun;
R	Kadar peratusan cukai;
B	Amaun cukai ke atas M selepas ditolak rebat cukai individu dan suami atau isteri, jika layak;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;
X	Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk Potongan Cukai Bulanan tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.

### 8.2.1 PROGRAM KEPULANGAN PAKAR (PKP)

Seseorang pekerja yang diluluskan di bawah PKP hendaklah dikenakan cukai pendapatan pada kadar 15% atas pendapatan bercukainya. Sekiranya jumlah pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000.00, pekerja layak mendapat rebat cukai individu dan suami atau isteri sebanyak RM400.00 masing-masing.



Tempoh insentif adalah selama genap lima (5) tahun taksiran secara berturutan.

Bagi Program Kepulangan Pakar, amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Pengiraan Berkomputer ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(PR - T) - (Z + X)]}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

$$\text{Iaitu } P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y - K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan Y dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam tahun semasa, termasuk premium insurans nyawa yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;

$Y_1$	Saraan biasa kasar bulan semasa;
$K_1$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_1$ dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_2$	Anggaran saraan seperti $Y_1$ bagi bulan seterusnya;
$K_2$	Anggaran baki jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)) / n]$ atau $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
$Y_t - K_t$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
<p>*<math>K + K_1 + K_2 + K_t</math> tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;</p> <p>**<math>\sum(Y_t - K_t)</math> hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;</p>	
$n$	Baki bulan dalam setahun;
$n + 1$	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
$D_U$	Potongan orang kurang upaya;
$S_U$	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;

Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:	
(i) Jika kategori 1 = Bujang:	
Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;	
(ii) Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja:	
Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;	
(iii) Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat:	
Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;	
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada penggajian terdahulu, jika ada;
$LP_1$	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
R	Kadar peratusan cukai;
T	Rebat individu atau suami atau isteri, jika ada;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;
X	Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk Potongan Cukai Bulanan tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.

Setelah nilai P diperoleh, nilai T ditentukan berdasarkan Jadual 2 yang nilai T bergantung kepada jenis kategori pekerja.

Jadual 2: Nilai P, R dan T

P (RM)	R (%)	T Kategori 1 & 3 (RM)	T Kategori 2 (RM)
35,000 dan ke bawah	15	400	800
Melebihi 35,000	15	0	0

### 8.2.2 PEKERJA BERPENGETAHUAN DI WILAYAH YANG DITENTUKAN

Kadar cukai 15% dikenakan ke atas pendapatan penggajian pekerja berpendidikan yang diluluskan, yang bekerja dan tinggal di wilayah yang ditentukan.

Bagi pekerja berpendidikan di wilayah yang ditentukan, amaun Potongan Cukai Bulanan berdasarkan Pengiraan Berkomputer ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[PR - (Z + X)]}{n + 1}$$

PCB bersih = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa

$$\text{Iaitu } P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

P	Jumlah pendapatan yang boleh dikenakan cukai untuk setahun;
$\sum (Y - K)$	Jumlah saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa bersih dan saraan tambahan bersih yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;

Y	Jumlah saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar terkumpul tahun semasa, yang dibayar kepada pekerja sehingga sebelum bulan semasa, termasuk saraan biasa kasar dan saraan tambahan kasar yang dibayar oleh majikan terdahulu, jika ada;
K	Jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan Y dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam tahun semasa, termasuk premium insurans nyawa yang dituntut di bawah penggajian terdahulu, jika ada, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_1$	Saraan biasa kasar bulan semasa;
$K_1$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_1$ dan premium insurans nyawa yang dibayar dalam bulan semasa, tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;
$Y_2$	Anggaran saraan seperti $Y_1$ bagi bulan seterusnya;
$K_2$	Anggaran baki jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa yang dibayar bagi baki bulan yang layak $[(\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)) / n]$ atau $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;
$Y_t - K_t$	Saraan tambahan bersih bulan semasa;
$Y_t$	Saraan tambahan kasar bulan semasa;
$K_t$	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan yang dibayar berkenaan dengan $Y_t$ , tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun;

<p>*<math>K + K_1 + K_2 + K_t</math> tidak melebihi jumlah amaun yang layak setahun;</p> <p>**<math>\sum(Y_t - K_t)</math> hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;</p>	
n	Baki bulan dalam setahun;
n + 1	Baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa;
D	Potongan individu;
S	Potongan suami atau isteri;
$D_U$	Potongan orang kurang upaya;
$S_U$	Potongan suami atau isteri kurang upaya;
Q	Potongan bagi anak yang layak;
C	Bilangan anak yang layak;
<p>Nilai D, S dan C ditentukan seperti yang berikut:</p>	
(i) Jika kategori 1 = Bujang:	
<p>Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = 0;</p>	
(ii) Jika kategori 2 = Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja:	
<p>Nilai D = Potongan individu, S = Potongan suami atau isteri dan C = Bilangan anak yang layak;</p>	
(iii) Jika kategori 3 = Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat:	
<p>Nilai D = Potongan individu, S = 0 dan C = Bilangan anak yang layak;</p>	
$\sum LP$	Potongan yang dibenarkan terkumpul dalam tahun semasa, termasuk daripada penggajian terdahulu, jika ada;
$LP_1$	Potongan yang dibenarkan bagi bulan semasa;
R	Kadar peratusan cukai;
Z	Zakat terkumpul yang dibayar dalam tahun semasa selain zakat bulan semasa;

X	Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang dibayar bagi bulan terdahulu dalam tahun semasa, termasuk bayaran daripada penggajian terdahulu, tetapi tidak termasuk Potongan Cukai Bulanan tambahan yang diminta oleh pekerja dan bayaran ansuran cukai.
---	---

## 9. PENENTUAN AMAUN POTONGAN CUKAI BULANAN BAGI SARAAN TAMBAHAN

Jika seseorang pekerja menerima bayaran saraan tambahan selain saraan biasa, amaun cukai yang perlu dipotong dan dibayar dalam bulan itu hendaklah dikira mengikut Formula Saraan Tambahan.

### 9.1. Amaun Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan berdasarkan Jadual Potongan Cukai Bulanan ditentukan mengikut formula yang berikut:

(a) Langkah 1 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan atas saraan biasa bersih setahun.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan saraan biasa bersih = Saraan biasa kasar — caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun.

[C] Berdasarkan saraan biasa bersih yang ditentukan dalam Langkah [B], rujuk Jadual Potongan Cukai Bulanan untuk menentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa.

[D] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bersih bulan semasa = Potongan Cukai Bulanan bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa, jika ada.

[E] Tentukan jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun

$$= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)]$$

X ialah Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang telah dibayar;  
 n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

(b) Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(1);

$$P = [(Y - K) \times 12] + [\sum(Y_{t1} - K_{t1})] + (Y_t - K_t) - (D + S + QC)$$

(c) Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];  
 Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

(d) Langkah 4 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan bulan semasa.

Potongan Cukai Bulanan saraan tambahan bulan semasa	=	Jumlah cukai setahun (Langkah 3) — Jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun (Langkah 1[E]) + zakat yang telah dibayar
---	---	---



- (e) Langkah 5 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar.

$$\begin{array}{l} \text{Potongan Cukai} \\ \text{Bulanan bulan} \\ \text{semasa yang} \\ \text{perlu dibayar} \end{array} = \begin{array}{l} \text{Potongan Cukai Bulanan bersih} \\ \text{(Langkah 1[D]) + Potongan Cukai} \\ \text{Bulanan saraan tambahan bulan} \\ \text{semasa (Langkah 4)} \end{array}$$

9.2. Amaun Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan berdasarkan Pengiraan Berkomputer ditentukan mengikut formula yang berikut:

- (a) Langkah 1 - Tentukan Potongan Cukai Bulanan atas saraan bersih setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa, mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2).

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

[C] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan biasa bersih bulan semasa mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2).

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M)R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

Setelah nilai P pada Langkah [B] ditentukan, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

[D] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bersih = Potongan Cukai Bulanan bagi saraan biasa bersih bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa.

[E] Tentukan jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun  
 $= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)]$

X ialah Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang telah dibayar;  
 n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

(b) Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.

[A] Tentukan kategori pekerja.

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2);

$$P = [\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*)n] + (Y_t - K_t^*)] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]$$

(c) Langkah 3 - Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B;$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];

Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

(d) Langkah 4 - Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan bulan semasa.

Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan bulan semasa = Jumlah cukai setahun (Langkah 3) – Jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun (Langkah 1[E]) + zakat yang telah dibayar

- (e) Langkah 5 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar.

Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar	=	Potongan Cukai Bulanan bersih (Langkah 1[D]) + Potongan Cukai Bulanan saraan tambahan bulan semasa (Langkah 4)
--	---	--

## 10. TERMA DAN SYARAT DALAM MEMBANGUNKAN FORMULA PENGIRAAN BERKUMPUTER

Amaun Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan berdasarkan Pengiraan Berkomputer hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) pengiraan terhad kepada dua titik perpuluhan sahaja dan abaikan angka yang berikutnya;
- (b) nilai Potongan Cukai Bulanan dibundarkan kepada nilai lima sen terhampir seperti yang berikut:
  - (i) satu, dua, tiga dan empat sen dibundarkan kepada lima sen; dan
  - (ii) enam, tujuh, lapan dan sembilan sen dibundarkan kepada sepuluh sen;
- (c) sekiranya amaun Potongan Cukai Bulanan atau Potongan Cukai Bulanan sebelum potongan zakat adalah kurang daripada sepuluh ringgit, majikan tidak dikehendaki untuk membuat Potongan Cukai Bulanan; dan
- (d) sekiranya amaun Potongan Cukai Bulanan selepas potongan zakat adalah kurang daripada sepuluh ringgit, majikan dikehendaki untuk membuat Potongan Cukai Bulanan.

## 11. CARA PENGIRAAN DAN BAYARAN PCB BAGI SARAAN TAMBAHAN

Jika saraan tambahan tahun semasa dibayar pada tahun semasa, pengiraan PCB adalah seperti berikut:

- (a) Rujuk Jadual Potongan Cukai Bulanan atau Pengiraan Berkomputer bagi tahun semasa.
- (b) Gunakan Formula Saraan Tambahan dalam perenggan 9.1. atau 9.2..

Bayaran PCB untuk saraan biasa bulan semasa dan saraan tambahan bulan semasa hendaklah dibuat dalam satu bayaran.

## 12. PERINGATAN

12.1. Majikan yang menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan adalah dinasihatkan untuk menggunakan Pengiraan Berkomputer atau Kalkulator PCB yang terdapat dalam laman sesawang LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my), jika:

- (a) pekerja memilih untuk menuntut potongan selain potongan bagi diri sendiri, suami atau isteri, anak dan caruman KWSP;
- (b) pekerja menerima pelarasan gaji (kenaikan atau penurunan gaji);
- (c) pekerja baru mula bekerja selain bulan Januari; atau
- (d) pekerja baru mula bekerja dengan majikan baru dan pernah menerima saraan daripada majikan terdahulu.

12.2. Jika amaun PCB (sebelum tolakan zakat) kurang daripada RM1.00, majikan tidak perlu memotong PCB pekerja itu.

### 13. CONTOH PENENTUAN AMAUN SARAAN YANG LAYAK DAN TERTAKLUK KEPADA PCB ADALAH SEPERTI BERIKUT:

#### 13.1. Skim Opsyen Saham Pekerja

Amaun manfaat saham dikira seperti yang berikut:

Nilai pasaran saham pada tarikh opsyen boleh xx  
dilaksana

Atau

Nilai pasaran saham pada tarikh opsyen dilaksanakan xx  
(mengikut mana-mana yang lebih rendah)

Tolak:

Harga yang dibayar untuk saham (jika terpakai) xx

Perkuisit di bawah perenggan 13(1)(a) ACP xx

#### Contoh:

Tarikh opsyen ditawarkan : 1 Disember 2007

Tarikh opsyen boleh dilaksana : 1 Mac 2008 – 28 Februari 2018

Tarikh opsyen dilaksanakan : 2 Mei 2014

Nilai pasaran sesaham pada tarikh boleh  
dilaksana (1 Mac 2008)

RM3.80

Mengikut  
mana-mana  
yang lebih  
rendah

Nilai pasaran sesaham pada tarikh opsyen  
dilaksanakan (2 Mei 2014)

RM4.00

Tolak:

Harga yang ditawarkan sesaham pada : RM1.50  
1 Disember 2007

Oleh itu, nilai perkuisit : RM2.30  
(RM3.80 – RM1.50)

Jika pekerja ditawarkan Skim Opsyen Saham Pekerja dan melaksanakan 10,000 unit saham dalam tahun 2014, nilai perkuisit ialah:

$$10,000 \text{ unit saham} \times \text{RM}2.30 = \text{RM}23,000.00$$

Jika opsyen saham yang dilaksanakan oleh pekerja diterima dalam bentuk wang tunai dan bukan saham, cukai akan dikenakan pada tarikh opsyen tersebut dilaksanakan.

Majikan mesti memastikan supaya PCB bagi perkuisit di atas dikira mengikut Formula Saraan Tambahan dalam bulan perkuisit itu diterima.

### 13.2. **Ganjaran**

Jika pekerja tidak layak mendapat apa-apa pengecualian ganjaran, PCB atas semua ganjaran tersebut hendaklah dikira mengikut Formula Saraan Tambahan.

#### **Contoh:**

- (i) Pekerja mula penggajian pada 1 Januari 2006
- (ii) Pekerja bersara dan menerima ganjaran pada 29 Oktober 2014
- (iii) Jumlah ganjaran yang akan dibayar apabila bersara pada umur 53 tahun ialah RM35,000.00

Tentukan tempoh penggajian:

Tempoh penggajian: 1 Januari 2006 – 31 Oktober 2014 (9 tahun 10 bulan).

Oleh itu, ganjaran boleh dikenakan cukai disebabkan tempoh penggajian kurang daripada sepuluh (10) tahun.

Jumlah ganjaran yang diterima yang berjumlah RM35,000.00 adalah tertakluk kepada PCB dan pengiraan PCB tersebut hendaklah menggunakan Formula Saraan Tambahan.

### 13.3. Pampasan untuk Kehilangan Penggajian

Baki pampasan setelah ditolak dengan pengecualian yang layak adalah tertakluk kepada PCB dan pengiraan PCB tersebut hendaklah mengikut Formula Saraan Tambahan.

#### Contoh:

- (i) Pekerja mula penggajian pada 1 Mei 2008
- (ii) Pekerja diberhentikan pada 25 Mac 2014
- (iii) Jumlah bayaran pampasan ialah RM75,000.00

Penentuan amaun pampasan yang tertakluk kepada cukai.

#### [A] Tentukan bilangan tahun genap perkhidmatan.

1/5/2008 - 30/4/2009: satu tahun genap perkhidmatan.  
 1/5/2009 - 30/4/2010: satu tahun genap perkhidmatan.  
 1/5/2010 - 30/4/2011: satu tahun genap perkhidmatan.  
 1/5/2011 - 30/4/2012: satu tahun genap perkhidmatan.  
 1/5/2012 - 30/4/2013: satu tahun genap perkhidmatan.  
 1/5/2013 - 25/3/2014: kurang daripada satu tahun genap perkhidmatan.

Pekerja telah berkhidmat untuk 5 tahun genap perkhidmatan.

#### [B] Pengecualian cukai ke atas pampasan hendaklah—

RM10,000.00 x 5 tahun genap perkhidmatan = RM50,000.00

Bayaran pampasan	RM75,000.00
Tolak: Amaun yang dikecualikan	<u>RM50,000.00</u>
Baki pampasan yang tertakluk kepada PCB	<u>RM25,000.00</u>

Baki pampasan berjumlah RM25,000.00 setelah ditolak dengan pengecualian yang layak akan tertakluk kepada PCB dan pengiraan PCB tersebut hendaklah mengikut Formula Saraan Tambahan.

Walau bagaimanapun, bayaran pampasan yang dibuat oleh suatu syarikat terkawal kepada seseorang pengarah syarikat itu yang bukan berkhidmat sebagai pengarah sepenuh masa tidak dikecualikan daripada cukai.

**14. PEKERJA YANG TIDAK TERTAKLUK KEPADA PCB TETAPI BOLEH DIKENAKAN CUKAI**

- 14.1. Pekerja di bawah kategori 1 atau kategori 3 dengan jumlah saraan bulanan (selepas ditolak potongan yang dibenarkan) di antara RM2,851.00 hingga RM2,855.00 boleh dikenakan cukai walaupun saraannya tidak tertakluk kepada potongan cukai di bawah Kaedah-Kaedah PCB.
- 14.2. Majikan bertanggungjawab untuk mendaftarkan nombor cukai pendapatan pekerja sama ada melalui e-Daftar dalam laman sesawang LHDNM atau dengan menghubungi cawangan LHDNM yang berhampiran.

**15. PENENTUAN AMAUN POTONGAN CUKAI BULANAN BAGI SARAAN TAMBAHAN TAHUN KEBELAKANGAN SELAIN FI PENGARAH DAN BONUS**

Amaun Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan tahun kebelakangan selain fi pengarah ditentukan seperti berikut:

- (a) Sekiranya saraan tambahan selepas tahun 2008 diterima dalam tahun semasa:
  - (i) bagi Jadual Potongan Cukai Bulanan bagi tahun yang berkenaan, pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi Langkah 1 dalam formula saraan tambahan hendaklah berdasarkan kepada saraan biasa bagi bulan Disember atau bulan terakhir penggajian bagi tahun itu dengan menggunakan Jadual Potongan Cukai Bulanan yang terpakai bagi tahun itu; atau



(ii) bagi Pengiraan Berkomputer, pengiraan Potongan Cukai Bulanan hendaklah mengambil kira jumlah saraan, potongan, rebat dan Potongan Cukai Bulanan bagi tahun yang berkenaan.

(b) sekiranya saraan tambahan sebelum tahun 2009 diterima dalam tahun semasa, pengiraan Potongan Cukai Bulanan hendaklah mengikut kaedah dan Jadual Potongan Cukai Bulanan yang terpakai bagi tahun yang berkenaan.

**16. CONTOH PENGIRAAN PCB KE ATAS SARAAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN JADUAL POTONGAN CUKAI BULANAN (JENIS SARAAN SEPERTI DI PERENGGAN 9)**

Pekerja (Berkahwin) dan isteri bekerja                     ]  
2 anak layak potongan   ] Rujuk **KATEGORI 3 (KA2)**

Saraan biasa kasar bulan semasa bagi		
Januari	RM3,600.00	KWSP: RM396.00
Jumlah Saraan Tambahan	<u>RM7,200.00</u>	KWSP: <u>RM792.00</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>RM10,800.00</u></b>	<b><u>RM1,188.00</u></b>

**Langkah 1 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan atas saraan biasa bersih setahun.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

[B] Tentukan saraan biasa bersih = Saraan biasa kasar — caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan tertakluk kepada jumlah amaun yang layak setahun.

Saraan biasa kasar bulan semasa	RM3,600.00
<u>Tolak: Caruman KWSP</u> (terhad kepada amaun sebulan)	<u>RM 396.00</u>
Saraan biasa bersih bulan semasa	<u><u>RM3,204.00</u></u>

- [C] Berdasarkan saraan biasa bersih yang ditentukan dalam Langkah [B], rujuk Jadual Potongan Cukai Bulanan untuk menentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa.

PCB bulan semasa = RM10.25 (rujuk Jadual PCB 2015)

- [D] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bersih bulan semasa = Potongan Cukai Bulanan bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa, jika ada.

PCB bersih semasa = PCB bulan semasa – zakat bulan semasa  
= RM10.25 – RM0.00

- [E] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bersih bulan semasa = Potongan Cukai Bulanan bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa, jika ada.

Tentukan jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun  
= X + [Langkah [C] x (n + 1)]

X ialah Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang telah dibayar;  
n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

= RM0.00 + [RM10.25 x 12 bulan]  
= RM123.00

**Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

- [A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

- [B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(1);

$$\begin{aligned}
 P &= [(Y - K) \times 12] + [\sum(Y_{t1} - K_{t1})] + (Y_t - K_t) - (D + S + QC) \\
 &= [(RM3,600 - RM396^*) \times 12] + [RM0.00 - RM0.00] + \\
 &\quad [RM7,200 - RM792^*] - [RM9,000 + RM0.00 + RM2,000] \\
 &= RM38,448 + RM6,408 - RM11,000 \\
 &= RM33,856
 \end{aligned}$$

- \* Caruman KWSP = (RM396 x 12) + RM792 = RM5,544.00
- \* Potongan cukai atas caruman KWSP pekerja adalah terhadap kepada RM6,000.00 setahun

### Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];  
 Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$\begin{aligned} \text{Jumlah cukai setahun} &= [(P - M) R + B] \\ &= [(RM33,856 - RM20,000) \times 5\% - RM100] \\ &= RM13,856 \times 5\% - RM250 \\ &= RM442.80 \end{aligned}$$

**Jadual 1: Nilai P, M, R dan B**

<b>P (RM)</b>	<b>M (RM)</b>	<b>R (%)</b>	<b>B Kategori 1 &amp; 3 (RM)</b>	<b>B Kategori 2 (RM)</b>
<b>5,001 - 20,000</b>	<b>5,000</b>	<b>1</b>	<b>- 400</b>	<b>- 800</b>
<b>20,001 - 35,000</b>	<b>20,000</b>	<b>5</b>	<b>-250</b>	<b>-650</b>
<b>35,001 - 50,000</b>	<b>35,000</b>	<b>10</b>	<b>900</b>	<b>900</b>
<b>50,001 - 70,000</b>	<b>50,000</b>	<b>16</b>	<b>2,400</b>	<b>2,400</b>
<b>70,001 - 100,000</b>	<b>70,000</b>	<b>21</b>	<b>5,600</b>	<b>5,600</b>
<b>100,001 - 250,000</b>	<b>100,000</b>	<b>24</b>	<b>11,900</b>	<b>11,900</b>
<b>250,001 - 400,000</b>	<b>250,000</b>	<b>24.5</b>	<b>47,900</b>	<b>47,900</b>
<b>Melebihi 400,000</b>	<b>400,000</b>	<b>25</b>	<b>84,650</b>	<b>84,650</b>

### Langkah 4 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan bulan semasa.

$$\begin{aligned} \text{Potongan Cukai} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3)} - \text{Jumlah} \\ \text{Bulanan saraan} &\text{Potongan Cukai Bulanan setahun (Langkah} \\ \text{tambahan bulan} &\text{1[E])} + \text{zakat yang telah dibayar} \\ \text{semasa} & \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 &= \text{Langkah 3} - [\text{Langkah 1 [E]} + \text{zakat yang telah dibayar}] \\
 &= \text{RM}442.80 - [\text{RM}123.00 + \text{RM}0.00] \\
 &= \text{RM}319.80
 \end{aligned}$$

**Langkah 5 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar.**

$$\begin{aligned}
 \text{Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar} &= \text{Potongan Cukai Bulanan bersih (Langkah 1[D])} \\
 &\quad + \text{Potongan Cukai Bulanan saraan tambahan bulan semasa (Langkah 4)} \\
 &= \text{PCB bersih} + \text{PCB saraan tambahan bulan semasa} \\
 &= \text{Langkah 1[C]} + \text{Langkah 4} \\
 &= \text{RM}10.25 + \text{RM}319.80 \\
 &= \text{RM}330.05
 \end{aligned}$$

**17. CONTOH PENGIRAAN PCB KE ATAS SARAAN TAMBAHAN MENGGUNAKAN KAEDAH PENGIRAAN BERKOMPUTER (JENIS SARAAN SEPerti DI PERENGGAN 9)**

Pekerja (Berkahwin) dan isteri bekerja ]  
 2 anak layak potongan ] Rujuk **KATEGORI 3 (KA2)**

Saraan biasa kasar bulan semasa bagi		
Januari	RM3,600.00	KWSP: RM396.00
Jumlah Saraan Tambahan	<u>RM7,200.00</u>	KWSP: <u>RM792.00</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>RM10,800.00</u></b>	<b><u>RM1,188.00</u></b>

**Langkah 1 - Tentukan Potongan Cukai Bulanan atas saraan bersih setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

- [B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, tidak termasuk saraan tambahan bulan semasa, mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2).

$$P = \frac{[\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \times n] + (Y_t - K_t^*)^{**}]}{[D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]}$$

\*\* $\sum(Y_t - K_t)$  hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;

Pertama, tentukan nilai  $K_2$  dahulu,

$K_2$  = Anggaran baki jumlah caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa yang dibayar bagi baki bulan yang layak  $[[\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + K_1 + K_t)] / n]$  atau  $K_1$ , mengikut mana-mana yang lebih rendah;

$$\begin{aligned} &= [[\text{Jumlah amaun yang layak} - (K + K_1 + K_t)] / n] \text{ atau } K_1, \\ &\text{mengikut mana-mana yang lebih rendah} \\ &= [[\text{RM6,000.00} - (\text{RM0.00} + \text{RM396.00} + \text{RM0.00})] / 11] \\ &= \text{RM509.45} \text{ atau } K_1, \text{ mengikut mana-mana yang lebih} \\ &\text{rendah} \\ &= \text{RM396.00} \end{aligned}$$

\*Jumlah caruman KWSP atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa

$$\begin{aligned} K_2 &= K + K_1 + K_t + (K_2 \times n) \leq \text{RM } 6,000.00 \text{ (terhad)} \\ &= \text{RM0.00} + \text{RM396.00} + \text{RM0.00} + (\text{RM396.00} \times 11) \leq \text{RM} \\ &\quad \text{6,000.00 (terhad)} \\ &= \text{RM396.00} + \text{RM4,356.00} \leq \text{RM } 6,000.00 \text{ (terhad)} \\ &= \text{RM4,752.00} \leq \text{RM } 6,000.00 \text{ (terhad)} \end{aligned}$$

$$n = 11$$

$$= \frac{[\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \times n] + (Y_t - K_t^*)^{**}] - [D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]}{}$$

\*\* $\sum(Y_t - K_t)$  hanya terpakai bagi pengiraan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan;

$$\begin{aligned}
 &= [(RM0.00 - RM0.00) + (RM3,600.00 - RM396.00^*) + \\
 &\quad [(RM3,600.00 - RM396.00^*) \times 11] - [RM9,000.00 + \\
 &\quad RM0.00 + RM2,000.00 + (RM0.00 + RM0.00)] \\
 &= [(RM3,204.00) + (RM3,204.00 \times 11)] - [RM9,000.00 + \\
 &\quad RM2,000.00] \\
 &= RM38,448.00 - RM11,000.00 \\
 &= RM27,448.00
 \end{aligned}$$

[C] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan biasa bersih bulan semasa mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2).

$$\text{PCB bulan semasa} = \frac{[(P - M) R + B] - (Z + X)}{n + 1}$$

Setelah nilai P pada Langkah [B] ditentukan, nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$\begin{aligned}
 &= \frac{[(RM27,448.00 - RM20,000.00) \times 5\% - RM250.00] - (RM0.00 + RM0.00)}{11 + 1} \\
 &= \frac{RM7,448.00 \times 5\% - RM250.00}{12} \\
 &= \frac{RM372.40 - RM250.00}{12} \\
 &= RM122.40/12 \\
 &= RM10.20
 \end{aligned}$$

- [D] Tentukan Potongan Cukai Bulanan bersih = Potongan Cukai Bulanan bagi saraan biasa bersih bulan semasa (Langkah [C]) – zakat bulan semasa.

$$\begin{aligned} \text{PCB} &= \text{PCB bulan semasa} - \text{zakat bulan semasa} \\ \text{bersih} &= \text{RM10.20} - \text{RM0.00} \\ &= \text{RM10.20} \end{aligned}$$

**Jadual 1: Nilai P, M, R dan B**

<b>P (RM)</b>	<b>M (RM)</b>	<b>R (%)</b>	<b>B Kategori 1 &amp; 3 (RM)</b>	<b>B Kategori 2 (RM)</b>
<b>5,001 - 20,000</b>	<b>5,000</b>	<b>1</b>	<b>- 400</b>	<b>- 800</b>
<b>20,001 - 35,000</b>	<b>20,000</b>	<b>5</b>	<b>-250</b>	<b>-650</b>
<b>35,001 - 50,000</b>	<b>35,000</b>	<b>10</b>	<b>900</b>	<b>900</b>
<b>50,001 - 70,000</b>	<b>50,000</b>	<b>16</b>	<b>2,400</b>	<b>2,400</b>
<b>70,001 - 100,000</b>	<b>70,000</b>	<b>21</b>	<b>5,600</b>	<b>5,600</b>
<b>100,001 - 250,000</b>	<b>100,000</b>	<b>24</b>	<b>11,900</b>	<b>11,900</b>
<b>250,001 - 400,000</b>	<b>250,000</b>	<b>24.5</b>	<b>47,900</b>	<b>47,900</b>
<b>Melebihi 400,000</b>	<b>400,000</b>	<b>25</b>	<b>84,650</b>	<b>84,650</b>

- [E] Tentukan jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun

$$\begin{aligned} \text{Jumlah} &= X + [\text{Langkah [C]} \times (n + 1)] \\ \text{PCB} & \\ \text{setahun} & \end{aligned}$$

X ialah Potongan Cukai Bulanan terkumpul yang telah dibayar;  
n + 1 ialah baki bulan dalam setahun, termasuk bulan semasa.

$$\begin{aligned} &= \text{RM0.00} + [(\text{RM10.20} \times 12)] \\ &= \text{RM122.40} \end{aligned}$$

**Langkah 2 - Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun, termasuk saraan tambahan bulan semasa.**

[A] Tentukan kategori pekerja.

**Kategori 3 (KA2)**

[B] Tentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai setahun mengikut formula yang dinyatakan dalam subperenggan 8(2);

$$P = \frac{[\sum(Y - K^*) + (Y_1 - K_1^*) + [(Y_2 - K_2^*) \times n] + (Y_t - K_t^*)]}{[D + S + D_U + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)]}$$

Pertama, tentukan nilai  $K_2$  dahulu,

$$\begin{aligned} K_2 &= \text{Anggaran baki jumlah caruman Kumpulan Wang} \\ &\quad \text{Simpanan Pekerja atau skim lain yang diluluskan dan} \\ &\quad \text{premium insurans nyawa yang dibayar bagi baki bulan} \\ &\quad \text{yang layak } [[\text{Jumlah amaun yang layak setahun} - (K + \\ &\quad K_1 + K_t)] / n] \text{ atau } K_1, \text{ mengikut mana-mana yang lebih} \\ &\quad \text{rendah;} \\ &= [[\text{Jumlah amaun yang layak} - (K + K_1 + K_t)] / n] \text{ atau } K_1, \\ &\quad \text{mengikut mana-mana yang lebih rendah} \\ &= [[\text{RM6,000.00} - (\text{RM0.00} + \text{RM396.00} + \text{RM0.00})] / 11] \\ &= \text{RM509.45 atau } K_1, \text{ mengikut mana-mana yang lebih} \\ &\quad \text{rendah} \\ &= \text{RM396.00} \end{aligned}$$

\*Jumlah caruman KWSP atau skim lain yang diluluskan dan premium insurans nyawa

$$\begin{aligned} &= K + K_1 + K_t + (K_2 \times n) \leq \text{RM6,000.00 (terhad)} \\ &= \text{RM0.00} + \text{RM396.00} + \text{RM792.00} + (\text{RM396.00} \times 11) \leq \\ &\quad \text{RM6,000.00 (terhad)} \\ &= \text{RM1,188.00} + \text{RM4,356.00} \leq \text{RM6,000.00 (terhad)} \\ &= \text{RM5,544.00} \leq \text{RM6,000.00 (terhad)} \end{aligned}$$

$$n = 11$$



$$\begin{aligned}
P &= [\sum(Y - K) + (Y_1 - K_1) + [(Y_2 - K_2)n] + (Y_t - K_t)^*] - [D + S + D_U \\
&\quad + S_U + QC + (\sum LP + LP_1)] \\
&= [(RM0.00 - RM0.00) + (RM3,600.00 - RM396.00^*) + \\
&\quad [(RM3,600.00 - RM396.00^*) \times 11] + (RM7,200.00 - \\
&\quad RM792.00^*) - [RM9,000.00 + RM0.00 + RM2,000.00 + \\
&\quad (RM0.00 + RM0.00)] \\
&= [(RM3,204.00) + (RM3,204.00 \times 11)] + [RM7,200.00 - \\
&\quad RM792.00^*] - [RM9,000.00 + RM2,000.00] \\
&= RM38,448.00 + RM6,408.00 - RM11,000.00 \\
&= RM33,856.00
\end{aligned}$$

### Langkah 3 – Tentukan jumlah cukai setahun.

$$\text{Jumlah cukai setahun} = (P - M) R + B$$

Nilai P ditentukan berdasarkan Langkah 2[B];  
 Nilai M, R dan B ditentukan berdasarkan Jadual 1.

$$\begin{aligned}
\text{Jumlah} &= (P - M) R + B \\
\text{cukai} &= (RM33,856.00 - RM20,000.00) \times 5\% - RM250.00 \\
\text{setahun} &= (RM13,856.00 \times 5\%) - RM250.00 \\
&= RM692.80 - RM250.00 \\
&= RM442.80
\end{aligned}$$

**Jadual 1: Nilai P, M, R dan B**

<b>P (RM)</b>	<b>M (RM)</b>	<b>R (%)</b>	<b>B Kategori 1 &amp; 3 (RM)</b>	<b>B Kategori 2 (RM)</b>
<b>5,001 - 20,000</b>	<b>5,000</b>	<b>1</b>	<b>- 400</b>	<b>- 800</b>
<b>20,001 - 35,000</b>	<b>20,000</b>	<b>5</b>	<b>-250</b>	<b>-650</b>
<b>35,001 - 50,000</b>	<b>35,000</b>	<b>10</b>	<b>900</b>	<b>900</b>
<b>50,001 - 70,000</b>	<b>50,000</b>	<b>16</b>	<b>2,400</b>	<b>2,400</b>
<b>70,001 - 100,000</b>	<b>70,000</b>	<b>21</b>	<b>5,600</b>	<b>5,600</b>
<b>100,001 - 250,000</b>	<b>100,000</b>	<b>24</b>	<b>11,900</b>	<b>11,900</b>
<b>250,001 - 400,000</b>	<b>250,000</b>	<b>24.5</b>	<b>47,900</b>	<b>47,900</b>
<b>Melebihi 400,000</b>	<b>400,000</b>	<b>25</b>	<b>84,650</b>	<b>84,650</b>

**Langkah 4 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bagi saraan tambahan bulan semasa.**

$$\begin{aligned}
 \text{Potongan Cukai Bulanan saraan tambahan bulan semasa} &= \text{Jumlah cukai setahun (Langkah 3) — Jumlah Potongan Cukai Bulanan setahun (Langkah 1[E]) + zakat yang telah dibayar} \\
 &= \text{RM442.80} - [\text{RM122.40} + \text{RM0.00}] \\
 &= \text{RM320.40}
 \end{aligned}$$

**Langkah 5 – Tentukan Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar.**

$$\begin{aligned}
 \text{Potongan Cukai Bulanan bulan semasa yang perlu dibayar} &= \text{Potongan Cukai Bulanan bersih (Langkah 1[D]) + Potongan Cukai Bulanan saraan tambahan bulan semasa (Langkah 4)} \\
 &= \text{PCB bersih + PCB saraan tambahan bulan semasa} \\
 &= \text{Langkah 1[C] + Langkah 4} \\
 &= \text{RM10.20} + \text{RM320.40} \\
 &= \text{RM330.60}
 \end{aligned}$$

**18. JADUAL POTONGAN CUKAI BULANAN 2015**

Jadual Potongan Cukai Bulanan 2015 seperti dalam Lampiran A disediakan sebagai rujukan kepada majikan yang tidak menggunakan sistem pembayaran gaji secara berkomputer.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

01 Jan 2015

s.k: LHDN. 01/45/274/3-1